



No. Ruj. MIDA : PDA/2025/00154

No. Ruj. Fail : MIDA.004.600-4/3/59

Tetuan

**Pandamaran Synergy Petroleum Sdn. Bhd.**

No. 14827, Jalan Udang Galah

Telok Gong

42000 Pelabuhan Klang

**SELANGOR DARUL EHSAN**

Tuan,

**PERMOHONAN BAGI KEBENARAN DI BAWAH AKTA KEMAJUAN PETROLEUM, 1974 (AKTA 144) DARIPADA PANDAMARAN SYNERGY PETROLEUM SDN. BHD. BAGI MENGELUARKAN 'BLENDED FUEL OIL, DIESEL OILS, LUBRICANT OILS, PETROL AND KEROSENE'**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada permohonan pihak Tuan dan maklumat lengkap yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berhubung perkara di atas pada 9 Januari 2026 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan Tuan untuk mendapatkan **Kebenaran** di bawah Akta Kemajuan Petroleum, 1974 (Akta 144) bagi mengeluarkan '**Blended Fuel Oil, Diesel Oils, Lubricant Oils, Petrol and Kerosene**' adalah diluluskan. Bersama-sama ini disertakan syarat-syarat yang dikenakan ke atas Kebenaran yang akan dikeluarkan. (Sila rujuk Lampiran A).

3. Pihak Tuan hendaklah mematuhi syarat-syarat dan peraturan seperti berikut sebelum melaksanakan projek dan sepanjang tempoh pengeluaran:



## **I. JABATAN ALAM SEKITAR**

- a. Memastikan penempatan industri adalah selaras dengan Rancangan Struktur atau Rancangan Tempatan dan 'Environmental Essentials for Siting of Industries in Malaysia, EESIM (2017)' terbitan Jabatan Alam Sekitar.
- b. Mengemukakan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment*), sekiranya aktiviti tersebut tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 kepada Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan penilaian dan kelulusan sebelum apa-apa kerja tanah atau pembinaan dimulakan di tapak cadangan projek.
- c. Mengemukakan notifikasi pemasangan alat kawalan pencemaran alam sekitar yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan berkaitan di bawahnya kepada Jabatan Alam Sekitar untuk kelulusan sebelum kerja pemasangan dilakukan.

## **II. KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**

- a. Syarikat tuan juga dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan mengenai keselamatan industri petroleum sepertimana yang dinyatakan dalam Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan), 1984 dan lain-lain peraturan dalam syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh agensi-agensi berkaitan.
- b. Syarikat atau pengedar yang dilantik perlu mendapat Kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum, 1974 daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sekiranya bercadang untuk memasar atau mengedar dalam pasaran tempatan produk-produk berasaskan petroleum yang dikeluarkan oleh syarikat dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Garis Panduan Permohonan Kebenaran PDA.

- c. Memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat Bumiputera sebagai pengedar produk-produk yang dihasilkan.

4. Bagi penyediaan Kebenaran, pihak Tuan diminta mengemukakan dokumen-dokumen berikut (sekiranya pihak tuan belum berbuat demikian) dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat ini secara atas talian melalui portal InvestMalaysia di pautan <https://investmalaysia.mida.gov.my>:

- i. Memorandum dan Artikel Syarikat / Profail Korporat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
- ii. Sesalinan surat yang menunjukkan tiada halangan terhadap penempatan projek daripada Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan di alamat berikut:

**Ketua Pegawai Eksekutif**

Invest Melaka Berhad  
Level 8, Menara MITC  
Jalan Konvensyen  
Kompleks MITC  
75450 Ayer Keroh  
**MELAKA**

- iii. Resit rasmi bayaran Kebenaran sebanyak **RM1,000.00** yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).
- a) Syarikat hendaklah terlebih dahulu membuat pembayaran kepada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melalui Electronic Fund Transfer (EFT) seperti butiran berikut:

|                          |   |                                     |
|--------------------------|---|-------------------------------------|
| Nombor Akaun Bank        | : | 8602656576                          |
| Nama Bank                | : | CIMB Islamic Bank                   |
| Bayaran Atas Nama        | : | Akauntan Negara Malaysia-MITI-T     |
| Maklumat Perihal Bayaran | : | Kebenaran Petroleum bagi tahun 2025 |

b) Bagi **tujuan pengeluaran resit rasmi oleh MITI**, mohon kerjasama syarikat untuk mengemukakan bukti/slip bayaran kepada pihak MITI melalui email kepada:

- Encik Mohd Hisham Husain  
([hisham.husain@miti.gov.my](mailto:hisham.husain@miti.gov.my)) dan
- Encik Mohd Haidzir Abd Razak  
([haidzir.razak@miti.gov.my](mailto:haidzir.razak@miti.gov.my))

Sekiranya pihak Tuan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai kelulusan ini, sila hubungi:

**Pengarah**

Bahagian Kimia dan Bahan Termaju

Tingkat 24

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

No. 5, Jalan Stesen Sentral 5

Kuala Lumpur Sentral

**50470 KUALA LUMPUR**

5. Jika pihak MIDA tidak menerima dokumen-dokumen seperti di perenggan 4 serta maklumbalas mengenai kedudukan projek ini dalam tempoh yang ditetapkan, pihak Tuan adalah dianggap tidak lagi berminat untuk melaksanakan projek dan tindakan pembatalan terhadap kelulusan ini akan diambil.

6. Pihak Tuan dinasihatkan supaya berunding dengan jabatan/syarikat pembekal kemudahan utiliti mengenai keperluan sebenar bekalan elektrik, air dan telekomunikasi seberapa segera yang boleh.

7. Tuan hendaklah mematuhi segala peraturan/peruntukan di bawah Akta Kemajuan Petroleum, 1974 (Akta 144), Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156) dan akta-akta lain di bawah kementerian/agensi berkaitan.

8. Sekiranya syarikat Tuan bercadang untuk membuat pembesaran keupayaan pengeluaran atau mempelbagaikan keluaran, tuan adalah dikehendaki mendapatkan kelulusan daripada Pegawai Pelesen (Ketua Setiausaha, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri) dengan mengemukakan permohonan secara atas talian melalui portal InvestMalaysia di pautan <https://investmalaysia.mida.gov.my>.

9. Sekiranya syarikat Tuan memerlukan bantuan susulan dan khidmat nasihat terhadap pelaksanaan projek yang diluluskan, syarikat hendaklah menghubungi pejabat TRACK melalui emel: [track@mida.gov.my](mailto:track@mida.gov.my). Syarikat tuan juga adalah dikehendaki untuk mengemaskini status kemajuan projek di dalam Implementation & Tracking Monitoring System (ITMS) di mana maklumat akses ITMS akan diemelkan kemudian. Sila rujuk maklumat TRACK dan Wakil Jabatan/Agensi seperti di **Lampiran B**.

Sekian, dimaklumkan.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri**

Salinan kepada:

**1. Ketua Setiausaha**

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)  
Tingkat 28, Menara MITI  
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
**50480 KUALA LUMPUR**  
(u.p. Pengarah Kanan  
Bahagian Pembangunan Industri)

**2. Ketua Pegawai Eksekutif**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)  
Menara Hasil  
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8  
63000 Cyberjaya  
**SELANGOR DARUL EHSAN**  
(u.p. Ketua Pegawai Dasar Percukaian  
Sektor Dasar Percukaian)

**3. Pengarah**

Bahagian Kawal Selia Petroleum  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup  
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62623 PUTRAJAYA**

**4. Ketua Pegawai Eksekutif**

Invest Melaka Berhad  
Level 8, Menara MITC  
Jalan Konvensyen  
Kompleks MITC  
75450 Ayer Keroh  
**MELAKA**

**5. Pengarah**

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka  
Aras 19, Menara Persekutuan Bandar MITC  
Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
**MELAKA**

**6. Pengarah**

Pejabat MIDA Negeri Melaka  
3rd Floor, Menara MITC  
Kompleks MITC  
Jalan Konvensyen  
75450 Ayer Keroh  
**MELAKA**

**7. Pengarah**

Bahagian Pasca Pelaburan/TRACK  
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

**8. Pengarah**

Bahagian Statistik Pelaburan  
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

No. Rujukan Fail : **MIDA.004.600-4/3/59**

No. Rujukan MIDA : **PDA/2025/00154**

Nama Syarikat : **Pandamaran Synergy Petroleum Sdn. Bhd.**

**SYARAT-SYARAT KEBENARAN DI BAWAH  
AKTA KEMAJUAN PETROLEUM, 1974 (AKTA 144)**

- (a) Tapak: Lot 2562, Jalan Tanjung Bruas  
Mukim Tanjung Kling  
76400 Tanjung Kling  
**MELAKA**

(tertakluk kepada kelulusan daripada Kerajaan Negeri yang berkenaan)

- (b) Kebenaran ini tidak boleh ditukar milik kepada sesiapa pun termasuk '*assignees, servants*' atau '*agents (henceforth company)*' tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri. Kebenaran ini adalah sah melainkan ianya dibatalkan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri.
- (c) Komposisi Lembaga Pengarah syarikat ini hendaklah pada umumnya mencerminkan struktur ekuiti syarikat dan Kementerian Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri hendaklah diberitahu berkenaan perlantikan serta sebarang penukaran di dalam Lembaga Pengarahnya.
- (d) Syarikat ini hendaklah mengambil serta melatih warganegara Malaysia supaya dapat mencerminkan komposisi berbilang kaum penduduk negeri bagi semua peringkat jawatan.

**Lampiran A (Sambungan)**

No. Rujukan Fail : **MIDA.004.600-4/3/59**

No. Rujukan MIDA : **PDA/2025/00154**

Nama Syarikat : **Pandamaran Synergy Petroleum Sdn. Bhd.**

**SYARAT-SYARAT KEBENARAN DI BAWAH  
AKTA KEMAJUAN PETROLEUM, 1974 (AKTA 144)**

- (e) Kapasiti pengeluaran maksimum syarikat berdasarkan satu (1) giliran kerja adalah seperti berikut:-

| <b>Keluaran</b>    | <b>Kapasiti Tahunan (liter)</b> |
|--------------------|---------------------------------|
| 'Blended Fuel Oil' | 50,000,370                      |
| 'Diesel Oils'      | 10,500,000                      |
| 'Lubricant Oils'   | 80,000                          |
| 'Petrol'           | 50,700                          |
| 'Kerosene'         | 50,700                          |

Sebarang perancangan pembesaran keupayaan hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri terlebih dahulu.

- (f) Syarikat ini hendaklah mengemukakan kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri atau lain-lain pihak berkuasa yang beliau arahkan, segala data dan maklumat yang perlu mengenai perusahaan ini.
- (g) Syarikat ini hendaklah mengambil langkah-langkah sesuai termasuk memasang alat-alat pencegah pencemaran udara, air dan kebisingan serta '*radiation hazards*' mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.
- (h) Syarikat ini hendaklah mematuhi peraturan-peraturan mengenai keselamatan industri petroleum seperti mana dinyatakan dalam Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 dan lain-lain peraturan dalam syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh agensi-agensi berkaitan.

**Lampiran A (Sambungan)**

No. Rujukan Fail : **MIDA.004.600-4/3/59**

No. Rujukan MIDA : **PDA/2025/00154**

Nama Syarikat : **Pandamaran Synergy Petroleum Sdn. Bhd.**

**SYARAT-SYARAT KEBENARAN DI BAWAH  
AKTA KEMAJUAN PETROLEUM, 1974 (AKTA 144)**

- (i) Syarikat atau pengedar yang dilantik perlu mendapat Kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum (PDA), 1974 daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sekiranya bercadang untuk memasar atau mengedar dalam pasaran tempatan produk-produk berasaskan petroleum yang dikeluarkan oleh syarikat dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Garis Panduan Permohonan Kebenaran PDA.
- (j) Memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat Bumiputera sebagai pengedar produk-produk yang dihasilkan.
- (k) Adalah menjadi tanggungjawab syarikat ini untuk menentukan bahawa ia mencapai mutu keselamatan yang mencukupi serta piawaian pengeluaran tertinggi bagi mematuhi piawaian perusahaan di mana piawaian itu sedia ada. Barang-barang keluaran syarikat ini hendaklah mencapai mutu yang diterima oleh Kerajaan Malaysia.
- (l) Syarikat ini hendaklah melaksanakan projeknya seperti diluluskan dan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan lain yang termaktub di Malaysia.

**PEJABAT PELAKSANAAN PROJEK DAN FASILITASI / PROJECT  
IMPLEMENTATION AND FACILITATION OFFICE (TRACK) DAN PUSAT  
MEMUDAHCARA PELABURAN MALAYSIA (INVEST MALAYSIA FACILITATION  
CENTRE – IMFC) DI MIDA**

Sekiranya syarikat tuan memerlukan bantuan pihak kerajaan dalam perkara-perkara berikut, pihak tuan dinasihatkan untuk menghubungi **Pengarah, Bahagian Pasca Pelaburan** atau **Wakil-Wakil** di **IMFC** seperti berikut:

**Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)**  
**MIDA Sentral**  
**No. 5, Jalan Stesen Sentral 5**  
**Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur**

**i)      Pengarah, Bahagian Pasca Pelaburan / TRACK / IMFC**

Tel       : 03-2267 3473  
Fax       : 03-2273 3872  
E-Mel     : [imfc@mida.gov.my](mailto:imfc@mida.gov.my) / [track@mida.gov.my](mailto:track@mida.gov.my)

**ii)     Wakil Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Tel       : 03-2267 2525  
E-Mel     : [norashikin.a@hasil.gov.my](mailto:norashikin.a@hasil.gov.my)

**[Bagi mendapatkan khidmat nasihat dan panduan mengenai perkara berkaitan dengan percukaian]**

**iii)    Wakil Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

Tel       : 03-2267 3564  
Fax       : 03-2273 3872  
E-Mel     : [mardziah.kastam@mida.gov.my](mailto:mardziah.kastam@mida.gov.my)

**[Bagi mendapatkan khidmat nasihat dan fasilitasi sekiranya isu/permasalahan berkaitan kastam tidak dapat diselesaikan diperingkat Cawangan/Negeri]**

**iv)     Wakil Jabatan Imigresen Malaysia**

Tel       : 03-2267 3528  
Fax       : 03-2273 4193  
E-Mel     : [imigresen@mida.gov.my](mailto:imigresen@mida.gov.my)

**[Bagi mendapatkan khidmat nasihat dan prosedur berkaitan jawatan pegawai dagang]**

**v) Wakil Kementerian Luar Negeri**

Tel : 03-8887 4080

E-Mel : [norjufri@kln.gov.my](mailto:norjufri@kln.gov.my)

**[Bagi mendapatkan khidmat nasihat dan panduan dalam perhubungan antarabangsa dan dasar luar negara]**

**vi) Wakil Tenaga Nasional Berhad**

Tel : 03-2263 2500

Fax : 03-2273 3872

E-Mel : [modhfairuz.tnb@mida.gov.my](mailto:modhfairuz.tnb@mida.gov.my)

**[Bagi mendapatkan khidmat nasihat dan panduan mengenai bekalan tenaga elektrik]**

**vii) Wakil Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

Tel : 03-2267 3768

E-Mel : [syahniza.mdshah@mcmc.gov.my](mailto:syahniza.mdshah@mcmc.gov.my)

**[Bagi mendapatkan khidmat nasihat dan panduan mengenai perkara berkaitan dengan percukaian]**

**viii) Wakil Telekom Malaysia Berhad**

Tel : 03-2263 2502

Fax : 03-2273 3872

E-Mel : [mohdzakir.tm@mida.gov.my](mailto:mohdzakir.tm@mida.gov.my)

**[Bagi mendapatkan khidmat nasihat dan panduan mengenai perkhidmatan bekalan telekomunikasi]**

**ix) Wakil Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**

Tel : 017-592 1072

E-Mel : [adib.ramli@perkeso.gov.my](mailto:adib.ramli@perkeso.gov.my)

**[Bagi mendapatkan khidmat nasihat dan panduan mengenai perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja]**